

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2017**  
**SOALAN : 28**

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) sama ada doktor dan jururawat yang berkhidmat di Hospital Kampar akan ditugaskan untuk bekerja di hospital baru di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampar; dan
- b) sama ada pesakit yang dirawat di hospital baru UTAR ini akan membayar caj yang sama seperti di hospital Kerajaan lain dan sama ada pesakit di hospital baru ini terpaksa membayar caj sebagai Pesakit Bayar Penuh (FPP).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berhubung cadangan pembinaan sebuah hospital baru di Kampar Perak, Kementerian ini dimaklumkan bahawa pihak Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) berhasrat untuk membina sebuah hospital pengajar di Kampar yang akan dilaksanakan dan dibiayai sendiri oleh pihak UTAR.

Proses dan prosedur dalam perlantikan tenaga manusia termasuk doktor dan jururawat serta caj rawatan pesakit akan ditentukan oleh pihak universiti itu sendiri kelak.